



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PTPTN DAN AMBANK HARGAI PEMINJAM PTPTN**

**KUALA LUMPUR, 9 April 2021** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Kumpulan AmBank bersama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) menjalinkan kerjasama bagi menggalakkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman melalui saluran atas talian JomPAY. Menerusi kerjasama ini, Peraduan JomPAY and Win! telah diadakan pada 1 November 2020 sehingga 31 Januari 2021 yang lalu.

Peraduan JomPAY and Win! pada kali ini menawarkan hadiah wang tunai berbentuk bayaran balik pinjaman kepada para peminjam. Bagi pemenang yang mempunyai jumlah baki pinjaman kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun simpanan SSPN-i pemenang.

Peraduan JomPAY and Win! ini terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman melalui saluran atas talian JomPAY. Peminjam PTPTN perlu membuat bayaran balik dengan nilai minima RM100 untuk melayakkan peminjam mendapat satu (1) cabutan peraduan.

Hadiah yang disediakan kepada peminjam PTPTN adalah lumayan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM60,000 untuk 65 pemenang. Hadiah pemenang utama berupa RM10,000, tempat kedua RM8,000 dan tempat ketiga RM5,000. Manakala tempat keempat RM4,000 dan tempat kelima RM3,000. Bagi hadiah pemenang saguhati pula adalah RM500 untuk setiap 60 pemenang. Nilai hadiah yang ditawarkan ini ditaja sepenuhnya oleh pihak PayNet.

Sepanjang Peraduan JomPAY and Win! berlangsung, seramai 179,871 peminjam telah melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN melalui saluran JomPAY. Ia melibatkan jumlah keseluruhan bayaran yang diterima melalui saluran JomPAY berjumlah RM48.8 juta. Manakala seramai 78,498 peminjam layak menyertai peraduan ini.

En. Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN berkata, “Kolaborasi ini adalah bukti komitmen dan kesungguhan PTPTN untuk memastikan peminjam dapat melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN dengan cepat, mudah dan selamat secara dalam talian di kala pandemik COVID-19 masih melanda. Dalam masa yang sama peminjam PTPTN juga dapat menyertai peraduan yang dianjurkan dan memenangi wang tunai sebagai tambahan kewangan untuk mereka membayar balik pinjaman mereka. Tahniah dan syabas kepada para peminjam PTPTN yang memenangi Peraduan JomPAY and Win!”

Tambahnya lagi, “PTPTN sentiasa mengalu-alukan penglibatan syarikat korporat lain untuk turut sama mengadakan kerjasama berbentuk kempen, peraduan mahupun sumbangan dalam bentuk bayaran balik pinjaman PTPTN bagi membantu peminjam PTPTN menyelesaikan pinjaman PTPTN mereka atau sebagai simpanan SSPN.”

AmBank telah bekerjasama dengan PTPTN sejak tahun 2017 dalam mendorong peminjam dan pendeposit melakukan pembayaran melalui saluran atas talian JomPAY di mana para peminjam dan pendeposit boleh melakukan transaksi JomPAY tanpa sebarang kos. Dengan lebih daripada 8,000 pengebil di seluruh negara, JomPAY adalah perkhidmatan pembayaran bil atas talian terbesar di Malaysia, yang menawarkan kemudahan perkhidmatan pembayaran kepada para pelanggan melalui mana-mana 42 buah bank di Malaysia. AmBank telah mencatatkan pertumbuhan mencecah 115% dalam nilai kutipan JomPAY untuk PTPTN daripada RM116,917,339 (2017) ke RM251,707,240 (2020). Dalam tempoh yang sama, jumlah transaksi meningkat sebanyak 186% iaitu daripada 332,511 (2017) ke 952,783 (2020).

Senarai pemenang Peraduan JomPAY and Win! boleh diperoleh melalui portal rasmi [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my). Para pemenang juga boleh membuat semakan berkenaan wang tunai yang dimenangi di penyata pinjaman dan SSPN-i masing-masing bermula 16 Mac 2021.

Melalui kempen ini diharapkan dapat membantu peminjam meringankan beban kewangan selain dapat mengurangkan pinjaman mereka menerusi hadiah yang diterima. Sesungguhnya bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh para peminjam menerusi saluran JomPAY ini amat bermakna dan mampu menyumbang kepada kesinambungan pinjaman untuk generasi akan datang.

#### **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

Sebarang maklumat lanjut, hubungi:

#### **PTPTN**

- i) Puan Rina binti Abd Rahman ([rina@ptptn.gov.my](mailto:rina@ptptn.gov.my) / 019 - 3888 733)**
- ii) Encik Muhamad Haikal bin Asmawi ([haikal@ptptn.gov.my](mailto:haikal@ptptn.gov.my) / 010 – 6568 510)**